

Peluang niaga untuk usahawan Anhui, China

SEREMBAN – Kerajaan Negeri Sembilan sedang meneroka peluang kerjasama antara syarikat tempatan bersama usahawan dari Wilayah Anhui, China bagi membina keupayaan dan industri baharu di negeri ini.

Menyatakan demikian Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, langkah tersebut diharap dapat menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan yang bergaji tinggi untuk rakyat khususnya di Negeri Sembilan.

"Persatuan Saintis dan Usahawan Anhui (AASE) mempunyai lebih 4,000 ahli yang terdiri daripada usahawan berprofil tinggi dan merupakan kapten industri di wilayah negara itu.

"Bagi melonjakkan kemampuan, saya berharap syarikat-syarikat di bawah persatuan usahawan Anhui, China ini akan terus meluaskan kehadiran mereka dan bekerjasama

dengan rakan perniagaan tempatan dan kerajaan bagi membina keupayaan dan industri-industri baharu di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap pada Majlis Makan Malam Bersama Persatuan Saintis dan Usahawan Anhui di Bandar Sri Sendayan di sini kelmarin.

Turut hadir Pengasas Kumpulan Matrix Concepts Holdings Bhd., (Matrix Concepts) Datuk Seri Lee Tian Hock.

Tambah Aminuddin, bagi mewujudkan sinergi pembangunan yang bersepada, kerajaan negeri akan terus memberi perhatian untuk mencapai pembangunan yang lebih seimbang dan inklusif.

"Tumpuan akan diberi kepada pelaksanaan projek yang berimpak tinggi untuk menarik pelaburan asing," ujarnya.



AMINUDDIN (tengah) pada majlis makan malam di Bandar Sri Sendayan, Seremban semalam kelmarin.